



TP00002429

Perkhidmatan Pembaca & Rujukan
Universiti Tun Abdul Razak
Institut Teknologi MARA
Shah Alam
Selangor.

Jabatan Pengurusan Harta Tanah

Kajian Senibena, Perancangan dan Ukur,

Institut Teknologi MARA

Shah Alam,

Selangor.

THESIS

FOTOSTAT TIDAK DIBENARKAN

PKNS, PERANAN DAN STRATEGI TERHADAP PEMAJUAN NEGERI SELANGOR.
KES KAJIAN : PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN DI PELABUHAN KLANG.

Dissertasi ini disediakan sebagai memenuhi sebahagian
daripada syarat untuk penganugerahan
DIPLOMA LANJUTAN PENGURUSAN HARTA TANAH.

Disediakan oleh,

ARRIFFIN BIN ABD. AZIZ.

Tahun Akademik 1984/1985.

April, 1985.

5

PENGHARGAAN.

Bismillahirrahmanirrahim.

Dengan izin Allah Yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang, maka dengan ini dapatlah saya menyedia dan menyiapkan disertasi ini sebagaimana yang diarahkan didalam jangkamasa yang tertentu.

Pertama sekali, saya ingin merakamkan rasa terhutang budinya terhadap Penyelia yang mengawasi saya iaitu Puan Sariah binti Ibrahim didalam jangka masa penyiapan disertasi ini. Beliau dengan kerjasama yang tulus ikhlas telah dapat membimbing, memberikan teguran dan tunjuk ajar yang berguna bagi saya menyiapkan pengkajian didalam buku ini.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada En. Yunus bin Abd. Rahman, selaku Ketua Jabatan Pengurusan Harta Tanah, Yang Mulia Raja Aris bin Raja Hussain selaku "year Master" dan juga kepada semua tenaga pengajar di Jabatan Pengurusan Harta Tanah Institut Teknologi Mara, Shah Alam.

Disamping itu, tidak ketinggalan juga saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada mereka-mereka yang telah memberikan kerjasama dalam bentuk pemberian maklumat seperti data-data, pelan-pelan, peta-peta, buku-buku dan perbincangan-perbincangan bagi

saya menyempurnakan tugas-tugas saya terutama sekali kepada kakitangan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor, Unit Perancang Dan Kemajuan Negeri Selangor, Lembaga Pelabuhan Klang, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Negeri Selangor, Majlis Perbandaran Klang, Pejabat Tanah Klang dan Pihak "Malaysian Industrial Development Authority" (MIDA). Selain dari itu, saya juga mengucapkan ribuan terima kasih terhadap Puan Norlian binti Sayuti yang telah berusaha memberikan kerjasama didalam menaipkan disertasi ini.

Sebagai pengakhir kata, diatas pertolongan dan kerjasama mereka yang tidak terhingga ini, saya mendoakan supaya mereka dicucuri rahmat oleh Allah s.n.w. dan dilimpahkan kebaikan dunia dan akhirat.

Jabatan Pengurusan Hartanah,
Institut Teknologi Mara,
Shah Alam,
Selangor.
15/4/1985.

Iklas Dari,

(ARRIFFIN BIN ABD. AZIZ).

PRAKATA

Didalam menghadapi ledakan pembangunan yang pesat, Malaysia adalah salah sebuah negara di Asia Tenggara yang termaju menghadapi perkembangan industri. Ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor seperti kestabilan ekonomi, politik, perkembangan ilmu pengetahuan dan pertumbuhan penduduk yang cepat daya peningkatannya.

Dalam menyusun dan menyeragamkan perkembangan pembangunan ini, maka Kerajaan Malaysia telah menyusun beberapa strategi bagi mencapai matlamat DEB. Selaras dengan itu beberapa agensi pemaajuan telah di pertanggung jawabkan. Diantara nya ialah PKEN (Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-Negeri).

Bagi Negeri Selangor, PKEN yang mewakilinya ialah PKNS. Didalam konteks ini, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor telah diamanahkan menjalankan beberapa aktiviti-aktiviti utama iaitu aktiviti Pemaajuan Perumahan, Pemaajuan Bandar-Bandar Baru, Pemaajuan Kawasan Perusahaan, Pemulihan Kawasan-Kawasan Setinggalan dan Pembinaan Komplek-Komplek Perniagaan.

Matlamat dissertasi ini dibuat adalah untuk mengkaji Peranan dan Strategi PKNS secara umum disamping menumpukan satu kes kajian iaitu Pembangunan perindustrian di Pelabuhan Klang yang mana merupakan Pelabuhan yang terbesar di Negara kita. Didalam mengutarakan fakta-fakta didalam dissertasi ini, penekanan adalah diberikan kepada bab-bab yang ke 3, 4, 5 dan 6.

Secara amnya saya ingin menyelidik sejarah perkembangan perindustrian oleh PKNS di Pelabuhan Klang. Ini termasuklah pemajuan-pemajuan yang telah dijalankan dimasa lalu hinggalah ke masa sekarang. Selain daripada itu saya akan mengkaji jangkaan perkembangan yang mungkin dihadapi dimasa-masa akan datang berserta dengan kesan-kesan yang akan timbul daripada kegiatan perindustrian ini.

ISI KANDONGAN.

Muka surat.

Penghargaan	i
Sinopsis	iii
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.10 Perbadanan Ekonomi Negeri-negeri	1
1.20 Matlamat PKEN secara amnya	2
1.30 Polisi PKEN	3
1.40 Strategi PKEN secara am	4
1.50 Latar Belakang Penubuhan PKNS	6
1.51 Tugas-tugas PKNS	6
1.52 Kegiatan-kegiatan PKNS secara amnya	7
BAB 2 SEJARAH PELABUHAN KLANG DAN PENGLIBATAN PKNS.	15
2.10 Sejarah ringkas Pelabuhan Klang dan perkembangannya	15
2.11 Pembukaan Pelabuhan Klang	15
2.12 Pengembangan Pelabuhan Klang	16
2.13 Pelabuhan Klang di bawah Pentadbiran Lembaga Pelabuhan Swettenham	16
2.14 Pertukaran nama Pelabuhan Klang	17
2.15 Pencapaian Pelabuhan Klang pada masa kini dan rancangan akan datang.	17

	Muka surat
2.20 Sejarah Penglibatan PKNS di- Pelabuhan Klang	20
2.30 Guna tanah di Pelabuhan Klang dan sekitarnya	23
2.31 Jenis-jenis guna tanah	23
2.32 Guna tanah Perumahan	25
2.33 Guna Tanah Perkilangan	25
2.34 Guna tanah Pejabat dan Perdagangan	26
2.35 Guna tanah Perkhidmatan Awam	26
2.36 Guna tanah Pertanian	27
2.40 Jenis-jenis guna tanah di Pusat Bandar Pelabuhan Klang	27
 BAB 3 KUASA-KUASA YANG TELAH DIBERIKAN KEPADA PKNS DAN LEMBAGA PELABUHAN KLANG	 30
 Kuasa Undang-undang	 30
3.10 Pentadbiran	35
3.11 Perjawatan	35
3.12 Perkeso	36
3.13 Perumahan Untuk Kakitangan	38
3.14 Tindakan Tata Tertib	38

	Muka surat
3.20 Kewangan	39
3.21 Perbelanjaan	39
3.22 Pendapatan	40
3.30 Pembangunan dan Pengurusan Harta	45
3.31 Perumahan	45
3.32 Penempatan Sitinggan	46
3.33 Rumah Kedai/Ruang Pejabat/Niaga	47
3.34 Pendapatan Jualan/Sewa	47
3.35 Rancangan Daerah	47
3.40 Urusan Tanah	48
3.41 Tapak Perusahaan	48
3.42 Tapak Institusi	49
3.43 Tapak Perumahan	49
3.50 Bandar-bandar Baru	49
3.51 Pembangunan Infrastruktur	49
3.52 Bangunan	50
3.53 Pengindahan Dataran	50
3.54 Komplek Sukan	51
3.60 Bandar Baru Bangi	51
3.61 Pembangunan Infrastruktur	51
3.62 Bangunan	52
3.63 Perkhidmatan Bandaran	52

	Muka surat
3.70 Ampang Hulu Klang	52
3.71 Pembangunan Infrastruktur	52
3.72 Bangunan	53
3.80 Sungai Way/Subang	53
3.81 Pembangunan Infrastruktur	53
3.82 Bangunan	54
3.83 Pengindahan Dataran	54
3.84 Salak Tinggi	54
3.90 Kawasan Perusahaan	55
3.91 Kawasan Perusahaan Bukit Rajah	55
3.92 Kawasan Perusahaan Teluk Panglima Garang	55
3.93 Kawasan Perusahaan Bangi	55
3.94 Kawasan Perusahaan Shah Alam	56
3.95 Kawasan perusahaan Seri Kembangan	56
3.96 Projek Perusahaan Luar Bandar	56
3.97 Kuala Selangor	57
3.98 Kawasan-kawasan Perusahaan lain	57

BAB 4 CAMPUR TANGAN PKNS TERHADAP PERMAJUAN INDUSTRI

DI SELANGOR	58
4.10 Sejarah dan Titik Mula kegiatan industri PKNS	58

4.20	Sejarah Penglibatan PKNS di kawasan kajian	59
4.30	Kawasan Perusahaan Pandamaran	60
4.31	Sejarah Pembangunannya	60
4.32	Peringkat Penjualan tapak-tapak	62
4.33	Peringkat Pembinaan Kilang-kilang	63
4.34	Kemajuan pada masa kini	63
4.40	kawasan Perusahaan Selat Klang Utara	65
4.41	Sejarah Pembangunannya	65
4.42	Objektif Pembinaan Perusahaan Selat Klang Utara	66
4.43	Peringkat Penjualan tapak	68
4.44	Peringkat Pembinaan kilang	70
4.45	Kemajuan pada masa kini	71
4.50	Kesan Perkembangan Industri terhadap Kawasan Kajian	72
4.51	Kesan terhadap modal yang berbayar oleh Kawasan Industri PKNS	73
4.52	Kesan terhadap modal pelaburan yang ditambah	76
4.53	Kesah terhadap tenaga kerja	78

4.54	Kesan terhadap tenaga pekerja tempatan	80
4.60	Kesan terhadap para pelabur	82
4.61	Kesan terhadap penjualan Hasil keluaran	82
4.62	Taraf Pemilikan Industri	85
4.63	Struktur para pekerja & masaalah yang dihadapi oleh Pengusaha firma	85
4.70	Kesan terhadap kenaikan dan kejatuhan harga harta tanah	91
4.80	Kesan terhadap perkembangan dan pembentukan Pelabuhan Klang.	97
4.90	Keutamaan yang diberikan oleh PKNS terhadap Perusahaan berbanding dengan aktiviti lain	99
BAB 5	KEMAJUAN YANG TELAH DICAPAI DIMASA LALU DAN KEADAAN SEMASA	103
5.10	Kejayaan projek-projek di masa lalu	103
5.11	Perumahan	104
5.12	Bandar Bahru	106

muka surat

5.20	Bentuk dan kaedah pemajuan dari tahun ke tahun yang memberikan bentuk pemajuan yang berbeza-beza	113
5.21	Konsep Rakan Kongsi	114
5.22	Tender kepada Kontraktor	115
5.23	Pengswastaan	116
5.30	Kesan Inflasi dan Kemelesetan terhadap Kemajuan PKNS	119
5.40	Kesan Inflasi dan kemelesetan terhadap kemajaun perusahaan di Pelabuhan Klang	122
5.50	Kemajuan PKNS pada masa kini dan risiko yang sedang dihadapi	125
5.51	Pelaburan keatas infrastruktur	125
5.52	Tempuh tarap perintis	126
5.53	Kurang minat para pekerja	126
5.54	Guna tanah yang tak efisien	127
5.55	Risiko kebakaran dan kerosakan	128
BAB 6 STRATEGI MASA KINI DAN MASA AKAN DATANG		129
6.10	Kerja-kerja Pemajuan Masa kini	129
6.11	Pencapaian Projek-projek PKNS Sendiri.	129
6.12	Pencapaian PKNS sebagai agensi Kerajaan Negeri	131

muka surat.

6.20	Deraf-deraf Pemajuan yang akan dilaksanakan.	132
6.30	Cara-cara yang paling eluk dan sesuai PKNS gunakan bagi mencapai pembangunan dan kejayaan.	135
6.31	Cara Perancangan	135
6.32	Cara Pembangunan	139
6.33	Cara Pemasaran	142
6.40	Pandangan Penulis terhadap cara yang paling berkesan keatas strategi tersebut	147
6.41	Strategi Perancangan	147
6.42	Strategi Pembangunan	150
6.43	Strategi Pemasaran	152
6.50	Masalah-masalah yang dihadapi didalam Perlaksanaan Projek	154
6.51	Masalah aspek Perancangan dan perlaksanaan	154
6.52	Masalah dari segi pentadbiran dan masalah perjawatan	155
6.53	Masalah Kewangan	155
6.54	Masalah Perjawatan	156
6.55	Masalah Pemborong-pemborong PKNS (Pemborong Bumiputra)	156

muka surat

6.60	Cara-cara mengatasi masalah ini bagi meningkatkan prestasi PKNS	157
6.70	Kesan Strategi terhadap PKNS, Pelabuhan Klang, Negeri Selangor dan pembangunan Negara keseluruhannya.	160
6.71	Kesan strategi terhadap Pelabuhan Klang	161
6.72	Kesan strategi terhadap Negeri Selangor dan seluruh Negara	163
BAB 7 PENUTUP		165
7.10	Ringkasan dan Rumusan	165
7.20	Rumusan terhadap Kes Kajian	166
7.30	Rumusan terhadap kesan kawasan kajian	170
7.40	Kata-kata akhir	171

BAB 1

PENDAHULUAN

1.10 PERBADANAN EKONOMI NEGERI-NEGERI.

Perbadanan Ekonomi Negeri-negeri atau ringkasnya PKEN pada asasnya adalah kepunyaan negeri-negeri yang diperbadankan di bawah Enakmen Negeri masing-masing. Dimana kini terdapat sebanyak Tiga Belas buah badan tersebut semenjak penubuhannya diantara tahun 1964 hingga 1974.

Walaupun PKEN di setiap negeri berbeza dari segi nama dan aktiviti-aktiviti, namun ianya adalah sama-sama menuju kearah satu haluan dan matlamat kerajaan iaitu untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Untuk menyelaraskan dan menyeragamkan serta memastikan penadbiran badan tersebut berjalan dengan lancarnya, maka ianya telah diletakkan dibawah kuasa eksekutif Kerajaan Persekutuan iaitu Kementerian Perusahaan Awam.

Semenjak dari penubuhannya, PKEN telah memainkan peranan yang penting sebagai satu agensi awam dan telah melabur dalam banyak syarikat serta menubuhkan anak-anak syarikatnya sendiri.

1.2 MATLAMAT PKEN SECARA AMNYA.

Diantara matlamat PKEN secara amnya ialah:-

- 1.2.1 Untuk membasmi kemiskinan terutamanya dikalangan kaum bumiputra.
- 1.2.2 Untuk menggalakkan penyertaan kaum bumiputra dalam lapangan perniagaan dan perindustrian serta pembinaan dalam usaha mengurangkan perbezaan kaum mengikut fungsi masing-masing.
- 1.2.3 Memajukan negeri secara am dengan mengendalikan pembangunan perumahan, perniagaan dan perindustrian di-kawasan-kawasan yang ditentukan.
- 1.2.4 Bertindak bagi pihak kerajaan negeri sebagai pihak berkuasa tempatan dalam kawasan-kawasan yang terletak diluar kuasa pihak berkuasa tempatan yang sedia ada.
- 1.2.5 Memajukan ekonomi negeri meliputi usaha pembangunan kawasan bandar dan luar bandar.
- 1.2.6 Sebagai jentera pelaburan kerajaan dalam semua sektor ekonomi.
- 1.2.7 Pembaharuan bandar.

1.3 POLISI PKEN.

Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) memainkan peranan yang penting dalam menjalankan usaha-usaha kerajaan. Polisi PKEN ini diselaraskan dengan polisi Kerajaan Pusat bagi pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB). Oleh itu di-antara polisinya ialah:-.

- 1.3.1 Untuk membina masyarakat bumiputra yang maju dan berkembang dalam lapangan perniagaan dan perindustrian.
- 1.3.2 Memasuki dalam sektor-sektor dimana penyertaan ekuiti bumiputra dan pengurusan berkurangan.
- 1.3.3 Memainkan peranan sebagai "pemegang amanah" dalam sektor-sektor ekonomi sehingga terdapat bumiputra yang berkebolehan serta berwibawa untuk mengendalikannya.

Oleh kerana itu penglibatan PKEN dalam semua bidang adalah bercorak sementara, apabila kaum bumiputra sudah mampu dan bersedia menghadapi cabaran perniagaan dan lain-lain dalam bidang ekonomi, kepentingan PKEN akan dipindah milik kepada mereka secara langsung atau melalui Pemodalan Nasional Berhad (PNB).

POTOSTAT TIDAK DIBENARKAN

1.4 STRATEGI PKEN SECARA AM.

Bagi mencapai matlamat dan polisi, maka peranan dan cara yang dimainkan oleh PKEN ialah:-

1.4.1 Dalam Sektor pelaburan :-

- i) Menubuhkan syarikat-syarikat yang 100% dimiliki oleh PKEN.
- ii) Memasuki secara usaha sama dengan bumiputra, syarikat asing atau syarikat tempatan dimana PKEN memegang saham sebanyak 31% atau lebih.
- iii) Menyertai dalam syarikat bersekutu dengan memegang ekuiti antara 21% - 50%.
- iv) Melabur dalam syarikat saham dengan memegang tidak lebih 20% saham.

1.4.2 Dalam mencapai objektif sosial ialah dengan menyediakan asas latihan dan lain-lain kemudahan supaya peniaga bumiputra mencapai kejayaan dalam objektif kewangan untuk mendapat keuntungan.

1.4.3 Mengujudkan peluang-peluang pekerjaan dengan pembinaan industri-industri baru di kawasan bandar dan luar bandar.

- 1.4.4 Memberi bimbingan kepada bumiputra dalam projek-projek perintis seperti dalam sektor pembangunan dan pemalakkan.
- 1.4.5 Membina lebih banyak rumah-rumah kos rendah untuk rakyat berpendapatan rendah.
- 1.4.6 Memimpin kaum bumiputra dengan menyediakan ceramah atau dialog dan kursus-kursus seperti sistem bank dan akaun peruncit, lawatan 2 dan lain-lain untuk memberi kefahaman yang lebih kepada mereka.
- 1.4.7 Pembangunan bandar-bandar baru dengan menjadikannya satu bandar yang lengkap atau sebagai satu pembangunan guna tanah.
- 1.4.8 Menjalankan kegiatan pembaharuan bandar bagi menempatkan lebih bumiputra dikawasan tersebut.

1.50 LATAR BELAKANG PENUBUHAN PKNS.

Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor telah ditubuhkan pada 1hb.Ogos, 1964 bagi menggantikan Perbadanan Pembangunan Petaling Jaya (PJDC) yang dimansuhkan serentak dengan penubuhan PKNS. Perbadanan yang lama hanya bertanggung jawab memajukan kawasan Petaling Jaya sahaja tetapi PKNS telah dipertanggung-jawabkan memajukan Negeri Selangor seluruhnya. Dengan penyerapan kakitangan dan kelengkapan kepunyaan PJDC dahulu, PKNS dapat meneruskan kegiatannya dalam bidang-bidang pembinaan rumah dan pembangunan bandar-bandar baru (setelah terbangunnya Petaling Jaya sebagai sebuah settelite kepada Kuala Lumpur) dan juga memajukan kawasan-kawasan perusahaan.

1.51 Tugas-tugas PKNS.

Ketiga-tiga tugas PKNS ini sebenarnya mempunyai kaitan yang amat rapat dalam memajukan kawasan Lembah Klang dan Negeri Selangor amnya. Penempatan penduduk yang telah sedia ada memerlukan satu perancangan projek-projek perumahan yang menyeluruh dan disatu pihak lagi peluang-peluang pekerja perlu dibuka dikawasan perusahaan. Pertambahan kadar migrasi penduduk luar bandar ke bandar khususnya di Lembah Klang mengujudkan kesesakan di beberapa kawasan di sekitar Petaling Jaya, kawasan di pinggir Wilayah Persekutuan dan juga Klang.

Ini semua memerlukan wujudnya rancangan-rancangan perumahan yang dapat menampung kemudahan tempat tinggal dari permintaan keatas rumah yang kian bertambah.

Orang ramai lebih mengenali PKNS sebagai sebuah agensi yang membina dan menjual rumah. Sesungguhnya sangkaan orang ramai ini rupanya memang berasas. Walaupun PKNS juga memajukan kawasan perusahaan dan bandar-bandar baru, tetapi kegiatan yang dilakukan di bidang perumahan masih lagi merupakan penyumbang yang paling besar dalam jumlah pendapatan tahunan PKNS

1.52 Kegiatan-kegiatan PKNS secara amnya.

Kegiatan PKNS adalah selaras dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB) iaitu :-

- i) Membasmi kemiskinan
- ii) Menyusun semula struktur masyarakat untuk menghapuskan jurang perbezaan antara kaum.

Dalam mencapai matlamat DEB, PKNS menumpukan kegiatannya dalam pembinaan perumahan, penyediaan infrastruktur untuk kawasan perumahan, perindustrian dan institusi serta pembinaan kompleks pejabat/pusat membeli belah. Tumpuan pembangunan itu ialah di bandar baru Shah Alam, Bangi, Sg. Way/Subang, Ampang Hulu

Klang, Ladang Tremelbye, Klang, Petaling Jaya Selatan dan Selat Klang Utara. Disamping itu PKNS juga mengendalikan projek perumahan kos rendah dan menyediakan infrastruktur bagi kawasan perumahan dan perusahaan di daerah-daerah luar bandar seperti Sabak Bernam, Kuala Selangor, Sepang, Hulu Selangor, Hulu Langat dan Kuala Langat. Segala kegiatannya adalah seperti berikut:-

a) Perumahan.

Dari usahanya untuk memajukan rancangan-rancangan perumahan, PKNS telah membina 3 jenis rumah seperti berikut:-

- i) Harga rendah (dibawah \$ 30,000/-)
- ii) Harga sederhana (\$ 30,000 - \$ 100,000/-)
- iii) Harga tinggi (\$ 100,000/- ke atas)

b) Kedai.

Bagi menggalakkan penyertaan bumiputra dalam perniagaan PKNS telah :-

- i) memberi keutamaan kepada peniaga-peniaga bumiputra.
- ii) menyediakan tempat-tempat untuk berniaga.
- iii) tidak menggalakkan terlalu banyak satu-satu jenis perniagaan dijalankan disatu-satu

kawasan/tempat. Terdapat quota bagi satu-satu jenis perniagaan supaya terdapat berbagai-bagai jenis perniagaan yang boleh menampung keperluan penduduk disatu-satu kawasan.

c) Pemberian Pinjaman.

Semenjak PKNS ditubuhkan dalam tahun 1964, Perbadanan telah menyediakan kemudahan pinjaman kepada pemohon-pemohon yang berjaya mendapatkan rumah-rumah dan kedai yang dibina oleh PKNS, dengan kadar/faedah $8\frac{1}{2}\%$. Ini adalah bagi menggalakkan penyertaan bumiputra dalam membeli dan memiliki rumah mengikut kemampuan mereka.

d) Penempatan Semula Setinggalan.

Dasar PKNS mengenai perumahan untuk setinggalan adalah sesuai dan selaras dengan dasar Kerajaan. PKNS dengan kerjasama Kerajaan Negeri dan Pejabat-pejabat Daerah berusaha untuk memulihkan kawasan setinggalan dan juga menyediakan satu rangka pembangunan yang menyeluruh untuk membolehkan semua bentuk infrastruktur disediakan.

e) Rancangan Perumahan Kos Rendah Kerajaan Negeri.

Pembangunan perumahan tidak saja ditumpukan di Lembah Klang. PKNS juga menitikberatkan pembinaan rumah di kawasan luar bandar. Selaras dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru, Program perumahan Awam Kos Rendah diwujudkan bagi menyusun semula masyarakat dan membasmi kemiskinan.

f) Memajukan Bandar-bandar Baru.

Kerja-kerja pembangunan khususnya ditumpukan kepada penyediaan infrastruktur dan perkhidmatan untuk perumahan, institusi dan kemudahan awam.

Pemajuan Bandar-Bandar Baru.

Jadual 1.

1976 - 1980	Perumahan			Infrastruktur		
Kawasan	Anggaran (unit)	Pencapaian % (unit)	%	Anggaran (unit)	Pencapaian % (unit)	%
Shah Alam	4,802	1,993	42	814	524	64
Sg.Way Subang	3,611	2,792	77	369	306	83
Bangi	1,166	587	50	1,224	816	67
Ampang Hulu						
Klang	3,587	2,875	80	505	326	65
JUMLAH	13,166	8,247	63	2,912	1,972	68